


# ERL

# pencapaian bersejarah

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM 14 APR 2002



PERASI Express Rail Link (ERL) "KLIA Ekspres" melakar satu lagi sejarah pemodenan sistem pengangkutan negara dan standard baru industri kereta api rantau ini.

Meskipun bukan kereta api laju bertaraf tren peluru di Jepun atau TGV di Perancis yang boleh memecut sehingga melebihi 300 kilometer sejam, kemampuan ERL dengan kelajuan maksimum 160km **tetap mengagumkan.**

Pelaksanaan projek ERL dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi memastikan Malaysia terus bersaing dalam **kepesatan** ekonomi.

Berkonsep "menghubungkan keretapi terus ke pesawat", dari Terminal Udara Kuala Lumpur (KL CAT), KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), ERL memberi penekanan kepada elemen masa sebagai faktor utama pengurusan kerja yang **efisien.**

Menerusi perkhidmatannya, penumpang pesawat tidak lagi perlu melakukan pemeriksaan masuk (check-in) di KLIA kerana urusan itu telah diper-

cepatkan di KL CAT.

Sementara mereka yang mendarat di KLIA pula

hanya perlu menaiki KLIA Ekspres dan membuat pengesahan kastam atau tuntutan bagasi di KL CAT.

Bagi memastikan urusan pemindahan bagasi penumpang kapal terbang beroperasi dengan cekap, sistem dikenali "Sistem Pengendalian Bagasi (BHS)" secara automatik disediakan.

Bagasi penumpang kapal terbang dari KL Sentral atau KLIA akan diangkut melalui alat pengangkut (*conveyer*) di dalam stesen terminal dan kontena kereta api dengan dipantau oleh sistem pengurusan bagasi.

Ketua Pegawai Eksekutif ERL Sdn. Bhd., Dr. Aminuddin Adnan berkata, pihaknya memberi jaminan keselamatan bagasi setiap penumpang.

"Pihak keselamatan KL CAT akan membuat pengimbasan dengan setiap beg disertakan kod dan direkodkan. Apabila tiba di KLIA, kita akan melakukan pengimbasan sekali lagi sebelum beg dimasukkan ke sistem bagasi.

"Kamera pengawasan **digunakan** untuk merekodkan transaksi beg dan merakamkan perbuatan sesiapa yang cuba membuka atau mencuri beg berkenaan," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.


Dengan jarak perjalanan **sehalu** memakan masa **cuma** 28 minit **serta** kadar **tambang RM35**, perkhidmatan ERL menjanjikan **kelesaan** dan keselamatan maksimum.

Pembangunan projek menggunakan kepakaran Siemens AG sepenuhnya - konglomerat teknologi tinggi terkemuka Jerman yang telah berkecimpung dalam bidang industri kereta api sejak 1989.

Pengarah Projek Siemens-ERL, Udo Goldenstein pula memberitahu, sistem kereta api yang diperkenalkan Siemens untuk ERL di Kuala Lumpur merupakan sistem yang terjamin dari segi kecekapan **operasi.**

Pembangunan projek ERL adalah berasaskan Sistem Turnkey Siemens.

Mengikut sistem ini, syarikat itu diberi peluang sepenuhnya dalam perancangan dan pelaksanaan



projek ERL dari peringkat awal sehingga akhir dan juga penyelenggaraan.

Ia bagaimanapun akan memindahkan semua operasi dan penyelenggaraan kepada ERL Sdn. Bhd. dalam tempoh tiga tahun.

Siemens AG merupakan pembekal rumusan komprehensif untuk industri pengangkutan kereta api terkemuka yang telah digunakan di kebanyakan negara maju seperti Jerman, Perancis, Amerika Syarikat, Austria, Hungary dan Hong Kong.

“Projek ERL Kuala Lumpur telah memberi standard baru dalam industri pengangkutan keretapi Asia Tenggara,” kata Goldenstein.

Operasi ERL bermakna pengguna mempunyai satu lagi pilihan pengangkutan awam selepas Putra-LRT dan STAR-LRT.

Tiennya sendiri melambangkan masa depan gemilang negara.